

## IMPAK PROGRAM JALINAN MASYARAKAT UMCARES KLUSTER PENDIDIKAN: RETROSPEKTIF KOMUNITI

**Muhammad Asyraf Mansor**

Pusat Komuniti dan Kelestarian Universiti Malaya, Universiti Malaya

**\*Mohd Nazri Abdul Rahman**

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

\* *mohdnazri\_ar@um.edu.my*

**Nik Hassan Seman**

Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bahru

### ABSTRACT

The study is aimed at exploring the impact of the implementation of the UMCares Community Engagement grant for the Education Cluster to the targeted community. The data collection methods used are in the form of in-depth interviews and document analysis. Sources of data are the community that receives projects from UMCares Community Engagement Grants and documents / memorabilia. The study data collection was obtained through in-depth interviews and analysis of UMCares Community engagement grant reporting documentation. The results of the interviews were interview, and conclusions were made based on the theme analysis. The findings of the study show that the UMCares Community Engagement program has a positive impact on the community involved in aspects of behavior, soft skills, learning achievement, personal ability and lifelong learning. In addition, the findings also list some issues and challenges faced by the community and the university in implementing the community engagement program that needs to be solved by the recipient of the UMCares Community Engagement grant for the sustainability of the UMCares community engagement project. The results of this study suggest that the relevant parties can provide a framework for the implementation of the Community Engagemetn Program for communities and grant recipients to resolve issues that arise as well as collaborative support services to grant recipients and communities involved in establishing close University-Community collaboration.

**Keywords:** *Community Engagement, Community Service*

### PENGENALAN

Perkembangan pesat pertumbuhan ekonomi dunia memberi kesan langsung terhadap kesejahteraan, kemahmuran dan keharmonian negara, namun tidak dinafikan pada masa yang sama mewujudkan jurang kemiskinan dan akses pendidikan semakin melebar. Di Malaysia, walaupun perkembangan prasarana dan infrastruktur ekonomi yang kian berkembang menerusi pelbagai indeks pertumbuhan yang menjadi indikator utama namun, indeks kesejahteraan rakyat Malaysia berada pada 122.4 dimana Subkomposif ekonomi dan sosial masing-masing 131.0 dan 117.7 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019).

Menyedari hakikat ini, institusi pendidikan tinggi di Malaysia khususnya universiti awam dilihat sebagai satu alternatif terbaik dalam merungkai isu dan cabaran masyarakat dalam mendepani revolusi perindustri IR4.0. Maka, terhasil pelbagai program yang mempromosi hubungan antara universiti

dengan masyarakat seperti Program Jalinan Masyarakat (Community Engagement), *Service-Learning Malaysia – University for Society* (SULAM), dan pelbagai program yang melibatkan komuniti. Inisiatif ini dilihat sebagai usaha menengahkan hasil pengetahuan yang diperoleh di peringkat universiti menerusi penyelidikan atau inovasi yang relevan diketengahkan menerusi khidmat sosial secara inklusif dan berterusan. Atas kepentingan ini, usaha menggerakkan keterlibatan antara pihak institusi pendidikan tinggi dengan masyarakat terus diberi sokongan dan bimbingan.

## PENYATAAN MASALAH

Kebelakangan ini, berlaku peningkatan wacana umum yang membahaskan tentang tanggungjawab sosial universiti antara lain usaha melestarikan pendidikan untuk pembangunan masyarakat, pemerikasaan sosial dan meningkatkan keupayaan masyarakat menerusi institusi pendidikan tinggi. Peranan mapan institusi pendidikan tinggi adalah menyediakan dan menghasilkan modal insan yang diperlukan untuk pembangunan selaras dengan tuntutan k-ekonomi. Maka, wujud keperluan kerajaan untuk mengorientasikan semula fokus serta peranan institusi pendidikan tinggi untuk sosioekonomi kemajuan negara. Peranan institusi pendidikan tinggi tidak hanya terhad kepada menyediakan tenaga kerja tetapi juga bertindak sebagai pencipta pengetahuan baharu dan modal insan yang berkeupayaan mencetuskan peradaban baharu dalam era digital hari ini.

Walau bagaimanapun, kajian akademik berkaitan penglibatan universiti dengan komuniti masih terbatas di Malaysia (Samsul Bahri Mohd Tahmrin, 2020) maka dalam usaha mengisi jurang, kajian ini dilaksanakan bagi meneroka impak pelaksanaan projek Jalinan Masyarakat UMCares bagi Kluster Pendidikan kepada komuniti sasaran sebagai satu komponen penting dalam usaha menilai keberhasilan hubungan universiti dengan komuniti. Kajian ini mengadaptasi pendekatan kualitatif bagi menilai impak program universiti-komuniti khususnya dalam pemerikasaan dan kelestarian hidup masyarakat Malaysia. Menerusi program Jalinan Masyarakat, universiti secara langsung dapat memperkasakan keterlibatan universiti dalam projek sosial untuk pemberdayaan komuniti.

Dalam persekitaran pertumbuhan ekonomi digital ke arah berdaya saing, tahap kehidupan masyarakat kian mencabar. Fenomena ini berlaku dimana ekonomi Malaysia pesat bertumbuh, namun kesejahteraan rakyat Malaysia menerusi pelbagai Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia, Indeks Kesejahteraan Hidup Malaysia mendapati wujud jurang dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat hari ini. Implikasinya, masyarakat kini hidup dalam keadaan perbezaan jurang ekonomi dan sosial yang kian meluas. Sehubungan dengan itu, wujud keperluan untuk mengkaji kembali peranan dan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan dalam masyarakat khususnya pendidikan. Institusi pendidikan Tinggi khususnya universiti awam berpotensi untuk menyumbang dalam proses-proses merapatkan jurang ekonomi dan sosial masyarakat. Institusi Pendidikan Tinggi seharusnya berbalik kepada peranan utamu selain pembangunan ekonomi negara iaitu bersama-sama menangani pelbagai isu dan cabaran masyarakat khususnya permasalahan sosial atas prinsip “Tanggungjawab Sosial dan Jalinan masyarakat”. Menurut Grau, Escrigas, Goddard, Hall, Hazelkorn & Tandon (2017), dalam konteks globalisasi, tanggungjawab sosial sesebuah universiti seharusnya dipertimbangkan semula kesesuaiannya bagi memenuhi keperluan tempatan dan global. Universiti berperanan untuk mempertimbangkan antara keutamaan, tuntutan dan keperluan menyalurkan pengetahuan, kemahiran dan nilai kepada komuniti setempat mahupun global.

Oleh yang demikian, wujud keperluan untuk meneliti dan mengkaji semula aspirasi dan peranan universiti sebagai agen pembangunan masyarakat dalam era digital hari ini. Pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat hari ini yang memerlukan kepakaran kemahiran dan penyelidikan daripada pihak universiti untuk merungkai permasalahan ini. Seharusnya universiti menggunakan peluang dan ruang ini untuk menjalinkan semula hubungan antara universiti dan komuniti ke arah

merealisasikan kelestarian pembangunan masyarakat menerusi penyelidikan dan tenaga kepakaran universiti.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pengurusan aktiviti jalinan masyarakat UMCares bersama komuniti iaitu dalam kalangan komuniti yang terlibat bagi aspek perancangan, pelaksanaan, penglibatan/penyertaan dan kerjasama komuniti-universiti yang dihadapi bagi menambahbaik pengurusannya pada masa depan. Justeru, kajian ini berfokus kepada refleksi pihak komuniti terhadap pengalaman mereka setelah terlibat bersama-sama dalam aktiviti jalinan masyarakat UMCares. Bagi mencapai tujuan kajian ini, soalan kajian adalah: “Apakah restrospeksi komuniti terhadap impak program Jalinan Masyarakat UMCares?”.

## SOROTAN KAJIAN

### *Jaringan Masyarakat*

Konsep jaringan masyarakat mendukung prinsip keuntungan bersama universiti dan komuniti. Penglibatan Jaringan Masyarakat ini dapat dilaksanakan sama ada di peringkat wilayah, kebangsaan mahupun global dengan memberi fokus kepada perkongsian pengetahuan dan kemahiran antara pihak universiti dan komuniti. Menurut UNESCO, (2015), jalinan masyarakat tidak hanya terhad kepada fungsi universiti kepada komuniti sebaliknya penglibatan bersama universiti-komuniti yang lebih komprehensif mengjangkau inovasi dan perkongsian kemahiran dan pengetahuan. Menerusi penglibatan universiti, komuniti secara tidak langsung dapat menikmati keberhasilan penyelidikan sama ada dalam penciptaan produk, perkongsian pengetahuan dan kemahiran. Walaupun terdapat pelbagai definisi dan tafsiran penglibatan masyarakat namun di Universiti Malaya, penglibatan komuniti bermaksud "penglibatan aktif dan bermakna di dalam dan di luar universiti di peringkat tempatan, nasional dan antarabangsa dengan tujuan untuk bertukar pengetahuan dan membolehkan pembelajaran untuk kepentingan masyarakat".

Pelaksanaan Jalinan Masyarakat dilaksanakan dalam enam bentuk iaitu: (i) menghubungkan pembelajaran dengan khidmat masyarakat, (ii) menghubungkan penyelidikan dengan pengetahuan masyarakat, (iii) perkongsian pengetahuan dengan masyarakat, (iv) merangka kurikulum dan kursus baru, (v) guru sebagai praktisional dan (iv) inovasi sosial oleh pelajar (Tandon, 2014). Di Malaysia, beberapa bentuk inovatif Jalinan Masyarakat mula diperkenalkan seperti Khidmat Masyarakat, SULAM dan Geran Penyelidikan Jaringan Masyarakat khususnya di Institusi Pendidikan Tinggi.

### *Latar Belakang Program Jalinan Masyarakat UMCares*

Program Jalinan Masyarakat UMCares digerakkan melalui peruntukan Geran Jalinan Masyarakat di bawah tadbir urus Pusat Komuniti dan Kelestarian Universiti Malaya (UMCares). Peranan UMCares adalah sebagai pusat komuniti di Universiti Malaya atau lebih dikenali sebagai *one stop center* kepada komuniti. UMCares juga menghubungkan pensyarah dari Universiti Malaya dengan komuniti atau sebaliknya.

Program Jalinan Masyarakat UMCares adalah salah satu kaedah untuk mendekatkan pensyarah di Universiti Malaya dengan komuniti setempat menerusi hasil penyelidikan pensyarah kepada komuniti. Program Jalinan Masyarakat UMCares ini mengetengahkan sumber – sumber yang ada di Universiti Malaya terutamanya kepakaran daripada penyelidik Universiti Malaya untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh komuniti setempat dengan pemindahan ilmu, teknologi atau kemahiran melalui hasil penyelidikan para penyelidik kepada komuniti.

Program Jalinan Masyarakat UMCares menyokong dan mendokong Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals* (SDGs)). Maka, untuk memastikan kejayaan agenda ini di peringkat nasional, semua projek di bawah Geran Komuniti UMCares perlu berteraskan kepada 17 matlamat yang digariskan. Ini kerana Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals* (SDGs)) telah menjadi agenda global apabila Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu memperkenalkan 17 matlamat yang perlu dicapai oleh semua negara menjelang 2030. (Laporan Tahunan UMCares, 2018f)

Program Jalinan Masyarakat UMCares ini mempunyai sebanyak sembilan kluster yang telah ditetapkan iaitu Pembangunan Alam Sekitar, Pembangunan Luar Bandar, Sukan dan Rekreasi, Memelihara Warisan Negara dan Budaya, ICT dan Teknologi, Keusahawanan, Pendidikan, Kesihatan, dan Kebajikan sosial. Sebagai sebuah intitusi pendidikan terkemuka di Malaysia, Universiti Malaya telah lama menjalankan aktiviti khidmat masyarakat kepada komuniti setempat. Menerusi pelbagai program kemasyarakatan, pihak universiti Malaya secara langsung membantu komuniti mengharungi cabaran dan kelestarian hidup komuniti khususnya menerusi Pendidikan kepada komuniti.

UMCares atau Pusat Komuniti dan Kelestarian Universiti Malaya telah disahkan penubuhnya pada April 2014 untuk memudahkan penglibatan komuniti dan kelestariannya menerusi rangkaian kakitangan Universiti Malaya, pelajar dan penyelidik berkolaborasi dengan badan bukan kerajaan, badan kerajaan, organisasi swasta dan koprat. Bermula tahun 2015, pihak pengurusan Universiti Malaya telah memperuntukkan sebahagian dana kepada UMCares bagi membolehkan para penyelidik Universiti Malaya menjalankan projek jalinan masyarakat bersama komuniti setempat melalui Geran Jalinan Masyarakat. Melalui geran ini juga, penyelidik Universiti Malaya dapat menjalankan program jalinan Masyarakat dan seterusnya meningkatkan keterlihatan Universiti Malaya dalam membantu masyarakat dan meningkatkan jalinan kerjasama antara industry, NGO, organisasi kerajaan dan universiti melalui tanggungjawab sosial korporat industri tersebut. Sejak tahun 2015 sehingga 2020, hampir 300 projek jalinan masyarakat UMCares telah dijalankan di Universiti Malaya melalui 150 orang ketua penyelidik dalam pelbagai bidang bersama 450 komuniti telah menerima pemindahan ilmu, teknologi atau kemahiran melalui hasil penyelidikan pensyarah university (Laporan Tahunan UMCares, 2018).

## **METODOLOGI KAJIAN**

### ***Reka Bentuk Kajian***

Kajian kualitatif ini dijalankan secara penerokaan berdasarkan restrospeksi peserta kajian. Penerokaan dilaksanakan secara temubual dengan komuniti yang menerima projek dari geran UMCares jaringan masyarakat. Bagi menjawab persoalan kajian, kaedah temubual dan analisis dokumen telah dijalankan. Kajian retrospektif merupakan bentuk kajian yang meninjau kembali pengalaman responden bagi mendapatkan maklumat tentang apa yang telah berlaku satu ketika dahulu bagi menjelaskan situasi kini (Shahrul Arba'iah Othman, Norzaini Azman, & Manisah Mohd Ali, 2008). Pemilihan kaedah ini adalah sejajar dengan objektif kajian yang bertujuan untuk mendapatkan restrospeksi peserta kajian dengan lebih lanjut dan mendalam dalam impak pelaksanaan projek Jalinan Masyarakat UMCares kluster Pendidikan

### ***Persampelan***

Kajian ini akan menggunakan pensampelan bertujuan atau kriteria, iaitu lokasi dan individu dipilih dengan sengaja untuk memahami fenomena utama kajian. Maka, sampel kajian terdiri daripada 16 orang komuniti yang terlibat secara langsung dalam projek jalinan masyarakat UMCares Kluster Pendidikan. Profil peserta kajian ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

*Profil Peserta Kajian*

Projek Jalinan Masyarakat UMCares Kluster Pendidikan	Bilangan Peserta Kajian
Pendidikan Kanak-kanak orang Asli	2 orang Ahli JKK Kampung 2 Orang Tok Batin
Pendidikan Kanak-kanak Bukan Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen Pengenalan Diri Pendidikan Sains	2 orang Guru 2 orang ibu Bapa / JKK Kampung 1 Guru 1 Wakil Ibu Bapa
Khidmat Sokongan Guru Modul Membaca Kanak-kanak Pedalaman	2 Orang Guru 1 Orang Guru 1 Wakil Komuniti Kampung
Modul Bahasa Inggeris	1 Orang Sukarelawan 1 Wakil Komuniti

Dalam kajian ini, peserta kajian dipilih melalui persempelan bertujuan dengan empat kriteria utama telah dijalankan kepada komuniti yang menerima projek Jalinan Masyarakat UMCares daripada geran iaitu:

- (a) merupakan peserta yang terlibat secara langsung dalam semua aktiviti projek komuniti yang dijalankan oleh pihak penerima deran UMCares (Universiti) kepada komuniti tersebut
- (b) projek Jalinan Masyarakat UMCares tersebut pernah memenangi anugerah sama ada di peringkat universiti mahupun kebangsaan
- (c) ahli komuniti yang ditemubual merupakan ketua atau jawatankuasa dalam komuniti tersebut
- (d) projek Jalinan Masyarakat UMCares yang dijalankan telah memasuki fasa akhir atau tamat pelaksanaan (sekurang-kurangnya setahun)

Peserta dari komuniti yang terlibat secara langsung dalam program jalinan masyarakat UMCares sepanjang tahun 2019 sehingga tahun 2020 telah dipelawa untuk melibatkan diri dalam kajian ini melalui surat jemputan dan dihubungi untuk sesi temubual. Sesi temubual dijalankan secara selari dengan analisis dokumen berdasarkan laporan akhir yang diterima. Dengan kaedah ini, pengkaji secara langsung dapat mengenaplasti maklumat berkaitan dengan aspek yang dikaji. Proses menghubungi pihak komuniti yang menerima program jalinan masyarakat UMCares dihentikan apabila maklumat yang diperolehi mencapai tahap tepu (*saturated*) bagi penglibatan komuniti dalam program jalinan masyarakat UMCares dan impak kepada komuniti. Diakhir sesi temubual, sebanyak 16 orang komuniti yang terlibat secara langsung dalam program jalinan masyarakat UMCares.

***Prosedur Pengumpulan Data***

Data dikumpul dengan membuat triangulasi kepada kaedah dan sumber. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah temu bual mendalam, dan analisis dokumen. Sumber-sumber kepada data merupakan komuniti yang terlibat dalam program jalinan masyarakat UMCares dan dokumen pelaporan geran UMCares. Temu bual secara separa terbuka telah dijalankan dengan komuniti yang terlibat dalam program jalinan Masyarakat UMCares terlibat. Instrumen kajian ini terdiri daripada soalan-soalan temu bual secara separa terbuka yang dipilih dan diadaptasi daripada Borang Maklum Balas Komuniti UMCares untuk mengetahui restrospeksi komuniti yang terlibat dalam Program Jalinan Masyarakat UMCares. Kaedah temu bual digunakan kerana pengkaji dapat meneroka pengalaman sebenar bersifat individu dan peribadi yang telah dilalui oleh komuniti dan cuba memahami makna yang diberikan terhadap pengalaman tersebut (Shahrul Arba'iah Othman et al., 2008). Temu bual juga dapat memberikan data tentang buah pemikiran, apa yang diingati, sikap, perasaan dan sebagainya yang telah dilalui oleh komuniti yang terlibat secara langsung dalam Program Jalinan Masyarakat UMCares.

Analisis dokumen dijalankan dengan memilih data yang dikehendaki dan menaip semula semua catatan yang ditulis dalam bentuk catatan lapangan, pada masa yang sama proses mengekod dijalankan secara serentak. Kandungan dalam setiap dokumen perlu dikaji bagi memastikan kesesuaiannya dan dipadankan dengan soalan kajian. Dalam kajian ini, dua dokumen utama telah dikenalpasti untuk dianalisis iaitu Laporan Akhir Geran UMCares dan Borang Maklum Balas Komuniti yang mengandungi maklumat berkaitan pelaksanaan Program Jalinan Masyarakat UMCares.

Menurut Bogdan dan Biklen (2003), untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap kajian ini adalah dengan pengesahan peserta kajian melalui teks transkripsi temubual dan pemerhatian. Transkripsi yang telah siap, diserahkan semula kepada peserta kajian untuk dibaca, dinuat penilaian dan mengesahkan teks tersebut dengan menurunkan tandatangan sebagai tanda bersetuju dengan transkrip tersebut.

### *Analisis Data*

Menurut Noraini Idris (2013) hasil temu bual dibuat transkripsi secara verbatim merupakan proses dalam penganalisaan data semasa proses mengumpulkan data. Dalam proses membaca dan menanda transkrip, petikan-petikan temubual yang menarik telah dilabel dengan tajuk-tajuk tertentu. Tajuk-tajuk yang sama atau hampir sama dikelompokkan dan diberi kod-kod tertentu dan dikategorikan. Setelah semua proses mengekod kategori selesai, kategori-kategori yang mempunyai hubungan telah diletakkan dalam kategori yang lebih luas untuk membentuk tema. Tema ditentukan kepada data tersebut berdasarkan tujuan kajian dengan mengambil kira tentang kesahan dan kebolehpercayaan data yang telah dikumpul untuk membentuk kesimpulan berdasarkan analisis tema. Data lain yang menyokong atau mengukuhkan pandangan komuniti ini telah diperolehi secara analisis dokumen yang berkaitan.

### **DAPATAN KAJIAN**

Dapatan analisis data daripada temu bual 16 orang komuniti yang terlibat dalam program Jalinan Masyarakat UMCares Kluster Pendidikan dan analisis dokumen Pelaporan Geran UMCares tentang restrospeksi komuniti yang terlibat dalam program jalinan Masyarakat UMCares dipersembahkan mengikut soalan kajian berikut:

“Apakah restrospeksi komuniti terhadap impak program Jalinan Masyarakat UMCares?”

Analisis temubual dengan 16 orang komuniti yang terlibat dalam program Jalinan Masyarakat UMCares Kluster Pendidikan mendapati sebahagian besar iaitu 14 orang komuniti yang terlibat dalam program Jalinan Masyarakat UMCares Kluster Pendidikan menerima baik program jalinan Masyarakat UMCares Kluster Pendidikan. Analisis dapatan menunjukkan terdapat lima impak program Jalinan Masyarakat UMCares Kluster Pendidikan yang ditetapkan iaitu tingkah laku, kemahiran insaniah, pencapaian pembelajaran, kemampuan peribadi dan pembelajaran sepanjang hayat.

### *Tingkah Laku Komuniti*

Analisis menunjukkan semua wakil komuniti yang ditemubual memberi maklum balas positif terhadap program Jalinan Masyarakat UMCares Kluster Pendidikan. Ini kerana komuniti merasakan program Jalinan Masyarakat UMCares ini amat penting untuk memajukan dan membangunkan komuniti yang terlibat dalam pelbagai aspek yang diperlukan oleh komuniti. Semua wakil komuniti yang ditemubual menyatakan bahawa tingkah laku komuniti terhadap program jalinan Masyarakat UMCares yang dianjurkan adalah positif. Komuniti yang terlibat dalam program Jalinan Masyarakat UMCares menunjukkan perubahan positif yang melibatkan tingkah laku positif, sikap, kesedaran dan amalan dalam kehidupan seharian. Kenyataan berikut yang dibuat oleh Komuniti 1 menggambarkan hal ini.

*“...Murid yang terlibat menunjukkan perubahan sikap, tingkat laku yang positif terhadap pelajaran. Dah ada kesedaran untuk belajar dan mengulangkaji pelajaran.” (Komuniti 1: T2:15-17)*

Manakala wakil komuniti 3 pula menyatakan,

*“...pelajar saya dah berani untuk meneroka pelbagai kaedah mengingat dan mengulangkaji pelajaran. Mereka menunjukkan sikap positif terhadap pelajaran yang diajar, terlibat aktif dalam aktiviti pembelajaran kumpulan, interaksi, dan sentiasa kerjasama dan bantu membantu semasa mengulangkaji pelajaran.” (Komuniti 3; T2:22-23)*

Manakala Komuniti 5 pula seronok dan gembira dengan perubahan yang ditunjukkan oleh guru, murid dan ibu bapa sepanjang program ini dilaksanakan. Beliau menyatakan bahawa program Jalinan Masyarakat UMCares yang dijalankan memberi impak positif terhadap minat, sikap dan tingkah laku pelajar, ibu bapa dan guru.

*“Saya sangat teruja melihat bagaimana program ini membantu meningkatkan kesedaran ibu bapa, murid dan guru untuk bekerjasama dalam pendidikan anak-anak terutamanya dalam aspek akademik. Program Jalinan Masyarakat UMCares ini banyak memberi peluang kepada ibu bapa-guru-pelajar untuk berinteraksi dan berkomunikasi khususnya semasa pelaksanaan program seperti aktiviti seminar, bengkel, taklimat. Ia juga memberi ruang yang lebih untuk murid mendalami isi pengajaran dengan kerjasama guru-ibu bapa. Impak positif yang tak ada pada projek lain...” (Komuniti 10; T3: 32-40)*

Analisis dokumen Laporan Akhir Geran UMCares dan Borang Maklum Balas Komuniti menunjukkan bahawa berlaku perubahan yang besar dalam aspek tingkah laku, sikap dan kesedaran pihak komuniti yang terlibat dalam program jalinan Masyarakat UMCares. Berdasarkan analisis dokumen 90% pelaporan menunjukkan pihak komuniti yang terlibat dengan program Jalinan Masyarakat UMCares Kluster Pendidikan mengalami perubahan dalam tingkah laku, sikap, minat, kesedaran serta amalan.

### ***Kemahiran Insaniah Komuniti***

Analisis temubual juga mendapati kesemua peserta kajian mengakui bahawa Kemahiran Insaniah Komuniti adalah komponen penting yang perlu diberi penekanan semasa pelaksanaan program Jalinan Masyarakat UMCares Kluster Pendidikan. Kemahiran Insaniah merujuk kepada kemahiran generik yang merentasi pelbagai domain pembelajaran merangkumi aspek keperibadian dan kemahiran berkumpulan. Sepanjang pelaksanaan aktiviti program Jalinan Masyarakat, impak yang paling ketara terhadap pihak komuniti adalah kemahiran insaniah yang dikuasai oleh komuniti yang terlibat secara langsung dalam aktiviti program jalinan masyarakat UMCares Kluster Pendidikan sama ada aspek keperibadian mahupun kemahiran berkumpulan. Kenyataan berikut yang dibuat oleh seorang Komuniti (Komuniti 11) menggambarkan aspek kemahiran berkumpulan:

*“Projek ini berjaya memberi keseronokan, kemahiran kerja berpasukan dan seterusnya meningkatkan pencapaian akademik murid.” (Komuniti 11; T2:25-27)*

Selain itu, dalam kalangan komuniti menunjukkan kebolehan yang tinggi dalam aspek keperibadian yang melibatkan pemikiran kritis, moral dan etika professional khususnya penguasaan bahasa, gaya pertuturan dan adab berbahasa. Antara pandangannya:

*“...Murid lebih yakin dan berkebolehan dalam bahasa mengikut konteks semasa, Selain itu juga murid dapat memiliki kemahiran berbahasa dan menyampaikan hujah dengan yakin dan berkesan dalam sesuatu permasalahan yang diajukan ...” (Komuniti 12; T1:20-23)*

Malahan, sebahagian peserta kajian juga turut mengaitkan dengan perubahan aspek kemahiran berkumpulan dalam kemahiran komunikasi, interaksi, kerja berpasukan, kepimpinan dan kecekapan berbahasa dalam kalangan pihak komuniti yang terlibat secara langsung dengan program jalinan Masyarakat UMCares. Berikut adalah kenyataan yang dikemukakan:

*"...Ibu bapa turut berkeyakinan untuk menyatakan pendapat serta cadangan semasa sesi perbincangan tentang cara meningkatkan pencapaian prestasi anak-anak. Nilai tolak ansur serta tatacara berbahasa dalam khalakan ramai turut dicerminkan oleh komuniti yang terlibat dalam program ini. Rata-rata ibu bapa memiliki kemahiran berkomunikasi dan berinteraksi secara berkesan dengan pihak sekolah dan komuniti..."* (Komuniti 7; T3:18-22)

*"...Guru-Ibu Bapa-pelajar menunjukkan perubahan positif dalam aspek kemahiran insaniah dimana guru-ibu bapa dan pelajar berinteraksi secara berhemah dan saling menghormati dalam proses untuk rancang, menyusun dan sediakan bahan pengajaran dan pembelajaran malahan saling membantu untuk mereka bentuk Bahan Bantu Belajar yang bersesuaian untuk anaknya..."* (Komuniti 6; T1:15-20)

Analisis dokumen borang maklum balas komuniti mendapati 95% komuniti yang terlibat mengalami perubahan positif dalam aspek kemahiran Insaniah khususnya pemikiran kritis dan kemahiran penyelesaian masalah; kemahiran keusahawanan, moral dan pengurusan maklumat. Laporan yang dilaporkan menunjukkan bahawa kemahiran insaniah antara impak yang diperolehi oleh semua komuniti yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung ke arah pembelajaran berterusan.

#### ***Pencapaian Pembelajaran Oleh Komuniti***

Pelaksanaan Program Jalinan Masyarakat UMCares kluster Pendidikan memmberi keutamaan kepada isu dan permasalahan yang dihadapi oleh pihak komuniti dalam bidang pendidikan sama ada di peringkat rendah sehingga ke institusi pendidikan tinggi. Isu penguasaan literasi dan numerasi antara yang menjadi perhatian utama pemegang geran komuniti UMCares. Beberapa wakil komuniti yang ditemubual menyatakan bahawa:

*"...Program Jalinan Masyarakat UMCares sangat membantu murid-murid untuk meningkat penguasaan literasi dan numerasi murid-murid. Menariknya pendekatan dan kaedah yang diperkenalkan dalam pendekatan mengajar literasi dan numerasi sangat berkesan meningkatkan penguasaan murid. Tambahan pendekatan yang digunakan mampu menarik minat murid untuk menguasai kemahiran literasi dan numerasi"* (Komuniti 8; T3: 10-14)

*"...Pendekatan yang diperkenalkan sangat membantu murid untuk lebih mudah memahami pelajaran dan pendekatan pengajaran yang unik dengan memberi penekanan kepada keperluan pembelajaran murid".* (Komuniti 12; T2:15-18)

*"...Berupaya meningkatkan pencapaian pembelajaran murid dalam peperiksaan dan memberi keyakinan kepada murid untuk berkomunikasi dengan bahasa yang betul dan berkesan..."* (Komuniti 15; T1:10-11)

Analisis dokumen Laporan Akhir Geran UMCares menunjukkan hampir kesemua iaitu 98% program Jalinan Masyarakat UMCares kluster pendidikan melaporkan bahawa pencapaian pembelajaran oleh pihak komuniti yang terlibat dalam program menunjukkan peningkatan pencapaian.

#### ***Keupayaan Peribadi oleh Komuniti***

Wakil komuniti yang terlibat dalam temubual kajian ini turut menyatakan bahawa keupayaan peribadi setiap ahli komuniti yang terlibat dalam program Jalinan Masyarakat UMCares meningkatkan



khususnya dalam aspek ketekunan, tekad, kegigihan, kerajinan, kejujuran dan kualiti peribadi. Tambahan pula menerusi penglibatan dalam program jalinan Masyarakat UMCares turut membantu komuniti untuk meningkatkan kebolehan kompetensi teknologi digital, etika kerja dan kepimpinan organisasi. Berikut beberapa dapatan kajian hasil temubual yang dijalankan:

*“...Bila banyak aktiviti yang dijalankan, komuniti dapat belajar dan meningkatkan kemahiran diri seperti memimpin, kebolehan mempengaruhi orang lain, yakin dan jujur dalam melaksanakan sesuatu tugas. Komuniti lebih berdaya saing dengan adanya semangat, motivasi dan kegigihan untuk belajar dan berjaya.”* (Komuniti 16; T2:31-33)

*“..nampak kesungguhan murid-murid untuk belajar dan melakukan sesuatu tugas dengan ikhlas dan gigih walaupun dalam keadaan serba kekurangan terutamanya dari segi kemudahan dan prasarana pembelajaran. Lebih-lebih lagi untuk murid-murid luar bandar yang serba kekurangan untuk belajar..”* (Komuniti 1; T2:19-21)

*“...Kesungguhan murid menguasai menerusi pendekatan bercerita, lakonan dan nyanyian sangat memberi kesan kepada saya. Mereka tanpa erti jemu mengulang beberapa kali sebutan dan ayat hanya untuk memastikan persembahan mereka terbaik. Apa yang lebih menyentuh hati saya, apabila mereka mengambil pelbagai inisiatif untuk memastikan kostum lakonan sesuai walaupun dalam keadaan serba kekurangan. Mereka sangat kreatif.”* (Komuniti 2; T2:25-28)

Manakala analisis dokumen borang maklum balas komuniti menunjukkan 80% pihak komuniti melaporkan bahawa program jalinan masyarakat secara langsung membantu komuniti yang terlibat secara langsung dalam program untuk meningkatkan kualiti diri khususnya dalam aspek komunikasi, penampilan dan pengetahuan.

### ***Pembelajaran Sepanjang Hayat oleh Komuniti***

Wakil komuniti yang ditemubual juga turut berkongsi minat untuk terus mendalami ilmu dan belajar. 70% wakil komuniti yang ditemubual menyatakan bahawa mereka sering terlibat dalam kursus-kursus yang disediakan kepada pihak komuniti mereka. Keseluruhannya menyatakan bahawa mereka sangat berterima kasih kepada UMCares kerana menerusi program ini, mereka dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran khususnya untuk membantu anak-anak belajar di rumah. Selain itu, mereka juga berpendapat bahawa banyak ilmu baru yang mereka perolehi menerusi siri bengkel yang dikendalikan semasa program ini.

Berikut adalah pernyataan-pernyataan berkaitan perkara ini:

Temubual dengan Komuniti 10 menunjukkan bahawa program jalinan masyarakat UMCares memberi penekanan kepada meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ibu bapa untuk mengajar dan membimbing anak-anak di rumah bagi kemahiran literasi dan numerasi:

*“...seronok sangat, dah lama tak terlibat dengan kursus atau bengkel begini yang dapat membantu saya memahami dan mengetahui Teknik dan kaedah untuk mengajar anak-anak literasi dan numerasi. Walaupun kemahiran mengajar itu memerlukan masa untuk saya praktikkan tapi paling tidak saya tahu apa yang anak saya belajar di sekolah dan saya boleh membantu sikit-sikit”* (Komuniti 7; T2:16-18)

*“...dah lama saya tak berkursus, bila ikuti program ini, saya dapat mempelajari kemahiran baru dan seterusnya mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian saya, Dapat juga saya mengasah kemahiran yang telah lama saya tak gunakan. Menerusi bengkel ini juga saya dapat bertukar pendapat dan berkongsi kemahiran dengan komuniti lain yang turut terlibat sama”.* (Komuniti 9; T3:12-14)

“...Rasa macam nak sambung belajar semula. Melalui program ini saya berpeluang untuk meningkatkan kemahiran digital saya dan paling seronok saya dapat menghasilkan video pengajaran saya dan seterusnya saya dapat kongsi dengan murid-murid saya. Seronok belajar teknologi digital ini. Mudah dan memberi impak yang lebih terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.” (Komuniti 4; T2: 10-12)

Analisis dokumen mendapati 90% komuniti memberi maklumbalas dalam pelaporan akhir bahawa wujud kesedaran dalam kalangan komuniti yang terlibat secara langsung untuk meningkatkan ‘*self-directed learning*’, ‘*experiential learning*’ dan meneroka ilmu baharu.

## PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis, kajian ini menunjukkan situasi sebenar yang diperoleh oleh pihak komuniti sepanjang mengikuti program Jalinan Masyarakat UMCares Kluster Pendidikan. Berikut adalah perbincangan hasil dapatan kajian berdasarkan soalan kajian yang ingin diterokai.

Keseluruhan pihak komuniti yang terlibat dalam program Jalinan Masyarakat UMCares Kluster Pendidikan menerima baik program yang dijalankan kepada pihak komuniti mengikut keperluan dan permasalahan komuniti. Dapatan menunjukkan pihak komuniti bersikap positif terhadap setiap program yang dijalankan. Ini ditunjukkan oleh pihak komuniti yang memberi maklum balas positif melalui tingkah laku komuniti yang terlibat 100% dalam setiap program yang dijalankan oleh pihak komuniti. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Hall dan Tandon, (2017) bahawa komuniti menerima baik program yang memberi manfaat kepada mereka khususnya oleh pihak universiti. Manakala kajian Singh, (2017) menunjukkan bahawa perkongsian kepakaran pihak universiti kepada komuniti menerusi program jalinan masyarakat memberi impak terhadap perubahan tingkah laku positif komuniti.

Selain itu, program Jalinan Masyarakat yang menghubungkan universiti dan komuniti juga secara langsung berupaya meningkatkan kemahiran insaniah dalam kalangan komuniti yang terlibat. Dapatan menunjukkan bahawa sebahagian besar komuniti berupaya meningkatkan kemahiran insaniah setelah mereka terlibat dalam program yang dianjurkan. Kajian Agustina, Sari, Sholihah, Rizqi, Octavia, Pramesthi, Prafiantini, dan Kardha, (2018), menunjukkan bahawa program Jalinan Masyarakat yang dijalankan dapat membantu komuniti yang terlibat meningkatkan kemahiran tingkah laku sosial.

Berdasarkan dapatan kajian juga mendapati bahawa program Jalinan Masyarakat dapat meningkatkan pencapaian pembelajaran bagi komuniti yang terlibat. Dalam kajian ini, kluster pendidikan yang dipilih bermakna pencapaian pembelajaran merujuk kepada penguasaan isi pembelajaran oleh murid dan komuniti yang terlibat. Berdasarkan dapatan, program jalinan masyarakat telah berjaya meningkatkan penguasaan pembelajaran komuniti yang terlibat menerusi pelagai program hasil daripada kajian-kajian yang dilakukan oleh pihak universiti untuk kepentingan komuniti. Menurut kajian Kucukoglu (2012), pembelajaran akademik dengan pengalaman khidmat masyarakat mempunyai hubungan yang signifikan antara pembangunan pribadi dan penguasaan pembelajaran dari aspek sosial, akademik dan afektif.

Keupayaan pribadi pihak komuniti dalam aspek komunikasi, personaliti, perwatakan dan kepimpinan antara intipati utama pembangunan kemasyarakatan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa komuniti yang terlibat secara langsung dengan Program Jalinan Masyarakat UMCares Kluster pendidikan berupaya meningkatkan kualiti diri meliputi aspek kognitif, emosi, fizikal dan afektif. Program yang dijalankan secara tersirat memberi pngupayaan individu untuk bertindak, berfikir dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pihak komuniti. Menurut kajian Yasar, Gultekin dan Kaya, (2009) menerusi program kemasyarakatan universiti kepada komuniti, ia memberi faedah sosial kepada masyarakat dimana permasalahan masyarakat diselesaikan oleh pihak universiti menerusi penyelidikan dan

seterusnya ia dapat mengembangkan kecekapan perkhidmatan universiti kepada komuniti menerusi pelbagai program.

Hasil temubual juga menunjukkan bahawa penglibatan universiti dengan komuniti menerusi program jalinan masyarakat secara tidak langsung berjaya membudayakan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan komuniti yang terlibat. Komuniti terlibat secara aktif dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan dengan matlamat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan seiring dengan perubahan teknologi digital hari ini. Dapatan ini berbeza dengan kajian Ramlan Zainal Abidin, Ahmad Esa dan Wan Mohd Rashid Wah Ahmad (2008) yang mendapati antara kekangan dan cabaran komuniti untuk membudayakan pembelajaran sepanjang hayat adalah kepimpinan sekolah dan komuniti setempat. Sungguhpun banyak institusi pendidikan tinggi mempolupori konsep pembelajaran sepanjang hayat namung perubahan titi tidak berlaku perubahan yang ketara yang dapat mengikis persepsi masyarakat bahawa pembelajaran perlu berlaku sepanjang masa (Ramlan Zainal Abidin, Ahmad Esa dan Wan Mohd Rashid Wah Ahmad (2008).

### **KESIMPULAN**

Dalam era digital Revolusi Perindustrian 4.0, peranan institusi pendidikan tinggi semakin penting terutama dalam menghasilkan pengetahuan dan kemahiran yang dikongsi bersama komuniti untuk pembangunan dan kelestarian sesebuah masyarakat. Cabaran utama sejak beberapa dekad kebelakangan ini adalah agenda institusi pendidikan tinggi untuk mengembangkan perkongsian bersama masyarakat yang saling menguntungkan baik pihak berkepentingan, badan berkanun mahupun industry. Isu dan cabaran institusi pendidikan tinggi kini bukan terhadap mencipta pengetahuan dan kemahiran baharu tetapi juga menangani cabaran globalisasi sosio-ekonomi masyarakat dan mencapai pembangunan mampan sesebuah masyarakat. Maka, menerusi Program Jalinan Masyarakat UMCares Kluster Pendidikan secara tidak langsung merealisasikan hasrat universiti untuk pembangunan komuniti. Impak program Jalinan Masyarakat UMCares Kluster Pendidikan menunjukkan wujudnya kesinambungan dalam usaha memberi nilai tambah terhadap pembangunan komuniti dalam ruangan yang lebih sistematik dan berdaya saing.

### **PENGHARGAAN**

Ucapan terima kasih atas sokongan kewangan oleh Geran *Community Engagement*, Universiti Malaya - UMCARES001-2019O dan UMCARES2020-1I

## RUJUKAN

- Agustina, Rina; Sari, Okky Lupita; Sholihah, Lini Anisfatus; Rizqi, Nov; Octavia, Lestari; Pramesthi, Indriya Laras; Prafiantini, Erfi; & Kardha, Putu Chandra Dewi. (2018). Development of innovative picture storybooks to empower parents and teachers for early childhood education in nutrition and social-behavior in Jakarta. *ASEAN Journal of Community Engagement*, 2(2). Dimuat turun <https://doi.org/10.7454/ajce.v2i2.128>.
- Bogdan, R.C. & Biklen, S. K. (2003). *Qualitative research of education an introductive to theories and methods (4th ed.)*. Boston: Allyn and Bacon.
- Grau, F. X., Escrigas, C., Goddard, J., Hall, B. Hazelkorn, E & Tandon, R. (2017), Higher Education in the World 6. Towards Socially Responsible University: Blancing the Global with the Local. Research Gate. Dimuat turun <https://www.researchgate.net/publication/314840823>
- Hall, B. & Tandon, R. (2017). Decolonization of knowledge, epistemicide, participatory research & higher education. *Research for All*, 1(1), 6-19.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). Indeks Kesejahteraan Malaysia 2019, Putrajaya.
- Kucukoglu, A. (2012). Service learning in Turkey: Yesterday and today. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 46 (2012), 3083-3087. Dimuat turun <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.06.015>.
- Laporan Tahunan UMCares. (2018). Annual Report UMCares 2018. Dimuat turun <https://myumcares.um.edu.my/Image/ANNUAL%20REPORT/Laporan%20Tahunan%20UMCares%202018.pdf>
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan dalam pendidikan (Edisi Kedua)*. Shah Alam, Selangor: McFraw-Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd.
- Ramlan Zainal Abidin, Ahmad Esa dan Wan Mohd Rashid Wah Ahmad. (2008). Pendidikan sepanjang hayat: Isu, cabaran dan peranan sekolah membangun modal insan dalam komuniti setempat. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Pendidikan PKPGB 2008, 16 Oktober 2008*.
- Othman, S., Azman, N., & Mohd Ali, M. (2008). Faktor ibu bapa dalam kecemerlangan akademik pelajar pekak: Kajian kes retrospektif. *Malaysian Journal of Learning And Instruction*, 5, 79-98. Dimuat turun <http://e-journal.uum.edu.my/index.php/mjli /article/view/7598>
- Samsul Bahri Mohd Tahmin. (2020). Key performance index, strategic planning and industrial engagement transformation in creating impactful community program: The academia perspective. *Proceeding University For Society International Conference, 18hb November 2020*.
- Singh, Wafa (2017). Gauging the impact of community university engagement initiatives in India. *ASEAN Journal of Community Engagement*, 1(1).
- Tremblay, C. (2017). Impact Assessment: Community Engaged Research at the University of Victoria. Dimuat turun May 26, 2017 from: [http://unescochair-cbrsr.org/pdf/resource/CER\\_Impact\\_Uvic\\_March\\_2017.pdf](http://unescochair-cbrsr.org/pdf/resource/CER_Impact_Uvic_March_2017.pdf)
- UNESCO. (2015). Proposed Post-2015 Education Goals: Emphasizing equity, measurability and finance; Initial Draft for Discussion. Dimuat turun <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000220033>.
- Yasar, S., Gultekin, M & Kaya, S. (2008). Community service application in preschool teaching. Dimuat turun [http://www.oalp.anadolu.edu.tr/Guide/yeni\\_kilavuz/okul\\_top\\_hiz\\_uyg.pdf](http://www.oalp.anadolu.edu.tr/Guide/yeni_kilavuz/okul_top_hiz_uyg.pdf).